

ULASAN PERUNDANGAN

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DAN AKTA-AKTA BERKAITAN

Noor Shuhadawati Mohamad Amin
shuhadaamin@iium.edu.my

Kuliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

PENDAHULUAN

Wabak Covid-19 yang melanda dunia dikatakan dikesan pada pertengahan Disember 2019 di bandar raya Wuhan dalam daerah Hubei, China. Penularan yang berterusan pada peringkat global mengakibatkan wabak ini diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Sehingga Jun 2020, wabak ini telah menjangkiti lebih sembilan juta orang di dunia dan telah merekodkan kematian hampir 400 000 orang. Setakat ini, tiada vaksin yang dapat mencegah penularan Covid-19. Di Malaysia sahaja, kes kumulatif telah mencecah 8600 kes dengan 121 kematian.

KRONOLOGI

Pada 25 Januari 2020, Menteri Kesihatan pada ketika itu, iaitu Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad telah mengesahkan kes pertama Covid-19 membabitkan tiga warga China yang masuk ke Malaysia melalui Johor dari Singapura. Pada akhir bulan Februari 2020, kes kumulatif Covid-19 di negara ini ialah 25 orang, dengan jumlah 22 yang telah sembuh dan dibenarkan keluar daripada hospital. Namun begitu, menjelang bulan Mac, kes Covid-19 semakin meningkat dan membimbangkan. Oleh yang demikian, pada 16 Mac 2020, kerajaan yang baru sahaja terbentuk, pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin, telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia dengan tujuan membendung penularan wabak Covid-19 yang semakin meningkat. Sebanyak 125 kes baharu tekah dikesan menjadikan jumlah kumulatif meningkat kepada 553 kes. Kematian pertama di negara ini

melibatkan warga tempatan direkodkan pada 18 Mac 2020, sehari sebelum Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia dilaksanakan.

AKTA-AKTA BERKAITAN

Perlembagaan Persekutuan

Kebebasan bergerak merupakan salah satu hak asasi manusia. Pada peringkat antarabangsa, kebebasan bergerak telah diperuntukkan dalam Perisytiharan Sejagat mengenai Hak-hak Asasi Manusia 1948. Bertitik tolak daripada peruntukan itu, dokumen bersejarah tersebut menjadi asas penggubalan perlembagaan-perlembagaan di seluruh dunia untuk menjamin hak asasi penduduk di negara masing-masing. Malah, sehingga hari ini, dokumen tersebut masih menjadi rujukan utama yang mendukung prinsip hak-hak asasi manusia.

Di Malaysia, hak asasi manusia telah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan, dalam Bahagian Kebebasan Asasi. Kebebasan bergerak di Malaysia pula telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 9. Secara umumnya, fasal (1) menyebut “Tiada seorang pun warganegara boleh dibuang negeri dari atau ditahan masuk ke Persekutuan.” Akan tetapi, hak asasi ini bukanlah mutlak. Hak asasi ini tertakluk pada mana-mana undang-undang yang digubal berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman awam, kesihatan atau penghukuman pesalah. Dalam pada itu, hak asasi ini juga boleh disekat dalam konteks Sabah dan Sarawak yang mempunyai kedudukan istimewa dalam persekutuan seperti yang disebut dalam Fasal (3).

Dengan ini, PKP yang diperkenalkan oleh kerajaan bukanlah undang-undang yang menyekat kebebasan bergerak di negara ini. Hal ini bertepatan dengan arahan yang telah termaktub dalam Fasal (2) Perkara 9 dibawah Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, pematuhan PKP oleh orang awam tidak bertentangan dengan hak asasi manusia, dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988

Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 1988) merupakan akta bagi tujuan meminda dan menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit. Selain itu, Akta 1988 juga digubal untuk membuat peruntukan mengenai

Jadual 1 Peraturan-peraturan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit yang diwartakan sejak 18 Mac 2020.

Bil.	Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit
1.	Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pindaan) 2020
2.	Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengkompaunan Kesalahan-kesalahan) (Pindaan) 2020 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
3.	Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelanjutan Kuat Kuasa) 2020

perkara-perkara lain yang berkaitan dengan penyakit berjangkit. Objektif utama Akta 1988 ini adalah untuk mengurangkan kejadian penyakit dan kematian akibat jangkitan penyakit berjangkit yang menjadi ancaman kepada kesihatan awam. Akta ini berkuat kuasa di seluruh Malaysia pada 1 April 1989. Peruntukan yang diberikan dalam Seksyen 31 ini memberikan kuasa kepada kementerian yang berkenaan untuk menggubal undang-undang subsidiari atau dikenali sebagai undang-undang kecil, yang juga merupakan salah satu sumber undang-undang di negara ini.

Dengan berlakunya penularan wabak Covid-19 di Malaysia, kerajaan telah melaksanakan PKP di bawah peruntukan yang disediakan dalam Seksyen 31 Akta 1988. Seksyen ini memberikan kuasa kepada menteri yang berkaitan untuk membuat peraturan-peraturan, bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian Malaysia dalam usaha mengekang penularan wabak. Setelah PKP diisytiharkan, langkah-langkah susulan telah diambil untuk menyelaras dan memperincikan pelaksanaannya. Mesyuarat penyelarasan telah diadakan antara Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri dan agensi kerajaan yang berkaitan untuk memastikan agar PKP dapat berjalan dengan baik dan lancar. Bagi melaksanakan PKP, beberapa Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit telah diwartakan sejak 18 Mac 2020 lagi. Jadual 1 memaparkan peraturan-peraturan di bawah Akta 1988 yang telah diwartakan.

Selain itu, Akta 1988 juga memperuntukkan kompaun kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan yang bertentangan dengan Akta 1988. Seksyen 25 membenarkan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis untuk mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dengan kompaun tidak melebihi seribu ringgit. Akan tetapi melalui pindaan yang telah dilakukan di bawah Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengkompaunan Kesalahan-kesalahan) (Pindaan) 2020, kompaun yang dikenakan terhadap individu yang melanggar PKP ialah seribu ringgit.

Di samping itu, Akta 1988 juga memperincikan pengasingan orang yang dijangkiti dan orang yang disyaki berpenyakit berjangkit. Di bawah Seksyen 14, mana-mana individu yang dipercayai dijangkiti penyakit berjangkit harus dipindahkan ke suatu stesen kuarantin bagi rawatan dan hanya dilepaskan sekiranya individu tersebut tidak membahayakan orang ramai. Seksyen 17 Akta 1988 juga menyentuh perihal pengurusan seseorang yang telah mati atau disyaki telah mati akibat sesuatu penyakit berjangkit, maka prosedur pengebumian atau proses membakar mayat haruslah mengikut arahan pegawai yang diberi kuasa sahaja dalam urusan mengebumikan atau membakar mayat.

Akta Polis 1967

Akta Polis 1967 (Akta 1967) yang telah berkuat kuasa mulai 29 Ogos 1967 merupakan akta yang menyentuh aspek berkaitan organisasi, disiplin, kuasa dan tugas Polis Diraja Malaysia (PDRM) umumnya. Akta 1967 juga merupakan undang-undang yang penting untuk membendung penularan Covid-19 di Malaysia selain Akta 1988, kerana pegawai PDRM telah dilantik sebagai pegawai yang diberi kuasa di bawah Seksyen 3 Akta 1988. Terdapat dua Seksyen yang relevan di bawah Akta 1967 yang berkait rapat dengan kuasa PDRM dalam pelaksanaan PKP.

Seksyen 26 memperuntukkan kuasa PDRM untuk mendirikan sekatan jalan bagi tujuan untuk memelihara dan mengekalkan undang-undang dan ketenteraman atau untuk mencegah atau mengesan jenayah. Individu yang melanggar sekatan jalan raya yang dilaksanakan oleh PDRM boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi setahun atau denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.

Di samping itu, Seksyen 31 pula memperuntukkan kuasa kepada PDRM untuk membuat perintah bagi menghendaki orang berada dalam rumah untuk kepentingan keselamatan Malaysia atau keselamatan mana-mana bahagiannya atau untuk kepentingan ketenteraman awam. Individu yang berada di luar rumah dalam waktu yang dinyatakan dalam perintah itu haruslah menunjukkan permit bertulis yang dikeluarkan PDRM. Sekiranya gagal, individu tersebut boleh dikompaun atas kesalahan ingkar dengan PKP.

Ketiga-tiga undang-undang yang dinyatakan di atas adalah penting dan saling bergandungan antara satu sama lain dalam usaha menangani penularan wabak Covid-19 di negara ini. Melalui akta-akta ini, kerajaan dapat melaksanakan PKP dan seterusnya memperkenalkan PKP yang diperketatkan dan juga bersyarat.

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

PKP merupakan langkah proaktif yang diambil kerajaan dalam usaha memutuskan rantai penularan wabak Covid-19. PKP tidak sama seperti darurat kerana rakyat Malaysia masih lagi dibenarkan untuk keluar dari rumah bagi tujuan mendapatkan bekalan makanan dan ubat-ubatan. PKP telah dibahagikan kepada beberapa peringkat, iaitu fasa pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima. Tempoh setiap fasa adalah 14 hari kecuali Fasa kelima juga dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berlanjutan hampir sebulan.

Fasa pertama telah bermula pada 18 Mac 2020 dan berakhir pada 31 Mac 2020. Dibawah fasa pertama terdapat beberapa perintah yang diperkenalkan oleh kerajaan di bawah Akta 1988. Perintah-perintah yang diperkenalkan adalah seperti yang berikut. Pertama, larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai dikenakan di seluruh negara. Larangan ini termasuklah melakukan aktiviti berbentuk keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Semua rumah ibadat dan premis perniagaan diarahkan untuk ditutup kecuali pasar raya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian. Larangan ini juga melibatkan penangguhan semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau termasuk solat Jumaat untuk individu yang beragama Islam.

Selain itu, sekatan juga dikenakan untuk semua perjalanan rakyat Malaysia keluar negara sepanjang tempoh PKP berlangsung. Rakyat Malaysia yang baru pulang dari luar negara pula dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin selama 14 hari. Sekatan

ini tidak hanya tertumpu pada rakyat Malaysia sahaja. Sebarang kemasukan pelancong dan warga asing ke dalam negara juga turut disekat. Insitituti pendidikan bermula pada peringkat taska sehingga pada peringkat universiti juga diarahkan ditutup. Kerajaan bimbang sekiranya langkah ini tidak diambil, negara bakal berhadapan dengan penularan wabak yang teruk dan bilangan kes baharu yang tinggi dalam kalangan pelajar. Bukan itu sahaja, pejabat kerajaan dan swasta diarahkan ditutup kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting kepada negara, iaitu air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan. Sepanjang tempoh fasa pertama PKP, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, menyatakan jumlah kes yang direkodkan sepanjang tempoh ini sebenarnya lebih rendah berbanding unjuran yang telah dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) bagi tempoh lapan hari terakhir PKP fasa pertama. Dalam media sosial, rakyat Malaysia membandingkan negara Malaysia dengan Italy yang pada ketika itu menunjukkan kes positif yang tertinggi di dunia. Rakyat Malaysia terkesan dengan kejadian yang berlaku di Italy dan diminta untuk mengambil pengajaran daripada situasi yang melanda negara di benua Eropah itu. Daerah-daerah dan negeri-negeri di Malaysia turut dilabelkan mengikut warna; zon merah, iaitu zon bahaya diikuti dengan zon kuning yang menunjukkan keadaan yang semakin pulih dan akhir sekali zon hijau, iaitu bebas wabak. Namun begitu, fasa pertama telah dilanjutkan ke 14 April 2020 dan beberapa kawasan turut dikenal pasti sebagai kawasan yang berisiko tinggi telah diperketat dari segi kawalan pergerakannya.

Fasa kedua pula telah berlangsung dari 1 April 2020 hingga 14 April 2020. Fasa kedua ini dianggap sebagai tempoh kritikal untuk menentukan kejayaan Malaysia dalam usaha memutuskan rantaian penularan wabak ini. Namun begitu, jumlah kes jangkitan Covid-19 belum menunjukkan penurunan ketara menjadi faktor utama PKP terus dilanjutkan ke Fasa ketiga. Selain itu, tahap pematuhan rakyat juga masih rendah dan perlunya sekatan jalan raya dilakukan. Oleh itu, untuk membantu pihak PDRM, pihak tentera juga turut dikerah dalam proses pemantauan PKP oleh rakyat Malaysia. Menurut pakar epidemiologi, Prof Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud, penambahan kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan dilabelkan sebagai zon merah juga menjadi petunjuk penting mengapa PKP perlu dilanjutkan.

PKP terus dilanjutkan dan memasuki fasa ketiga bermula dari 15 April 2020 sehingga 28 April 2020. Kementerian Kesihatan menegaskan bahawa Malaysia masih dalam fasa untuk meratakan keluk graf penularan Covid-19 berikutan kes-kes positif yang masih belum menurun dengan mendadak. Selain itu, JP Morgan telah meramalkan kes kumulatif positif Covid-19 bakal berada di kemuncaknya di Malaysia sehingga mencecah 6,300 orang pada bulan April 2020 ternyata meleset. Berdasarkan kes kumulatif di Malaysia pada waktu yang diramalkan hanyalah sebanyak 4,817 kes. Hal ini sedikit sebanyak menjadi permulaan kepada kejayaan Malaysia bahawa langkah-langkah yang diambil kerajaan dalam usaha membendung penyebaran wabak ini berada di landasan yang tepat. Oleh sebab bulan Ramadan berada pada fasa ketiga, kerajaan juga tidak membenarkan bazar-bazar Ramadan beroperasi kerana bimbang penularan dalam kalangan orang awam yang mengunjungi bazar. Sebagai langkah alternatif, e-bazar yang diperkenalkan dan disambut baik oleh kerajaan negeri juga pihak swasta serta peniaga bagi membantu golongan peniaga yang terjejas.

Seterusnya, PKP yang dilanjutkan telahpun memasuki fasa keempat. Kementerian Kesihatan berpendapat fasa ini bertujuan untuk “mematikan” wabak Covid-19 yang masih berada dalam komuniti atau dikenali sebagai kes sporadik. PKP fasa keempat juga disifatkan sebagai peluang untuk membudayakan corak kehidupan mengikut kebiasaan baharu. Antaranya termasuklah, orang awam haruslah menyesuaikan diri dengan memastikan penjarakan sosial ketika berada di tempat awam dan menjaga kebersihan. Prof Datuk Dr. Awang Bulgiba Awang Mahmud berpendapat bahawa sasaran Kementerian Kesihatan untuk merekodkan angka tunggal dalam kes baharu boleh dicapai walaupun bukanlah tugas yang mudah untuk dipikul. Sepanjang tempoh PKP fasa satu hingga tiga, hanya seorang sahaja dibenarkan keluar untuk mendapatkan keperluan seperti makanan dan ubat-ubatan namun dalam PKP fasa keempat ini, kerajaan telah memberikan kelonggaran dengan membenarkan dua orang daripada ahli keluarga yang sama untuk keluar bagi tujuan yang sama.

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETAHAN

Dalam fasa pertama, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula 27 Mac 2020. Di bawah PKPD, beberapa kawasan tertentu di Malaysia telah dikesan sebagai kawasan yang berisiko tinggi dalam penularan wabak ini berikutan angka individu yang

dijangkiti wabak ini agak tinggi di kawasan ini berbanding dengan kawasan lain. Oleh yang demikian, kawasan ini tertakluk pada perintah yang lebih ketat berbanding kawasan lain. Tujuan utama PKPD dilaksanakan adalah supaya kerajaan dapat menjalankan ujian Covid-19 secara tertumpu dan teliti terhadap semua penduduk dan pada masa yang sama dapat membendung penyebaran pandemik ini keluar dari kawasan tersebut. Perintah-perintah ini termasuklah larangan semua penduduk dan pelawat di dalam kawasan ini untuk keluar dari rumah mereka sepanjang tempoh PKPD berlangsung. Penduduk dan pelawat dari luar kawasan tidak dibenarkan masuk ke kawasan yang dilabel sebagai kawasan PKPD. Bukan itu sahaja, semua perniagaan diarahkan untuk ditutup. Bagi mendapatkan bekalan makanan, pihak berkuasa menyediakannya berserta bekalan perubatan selain menubuhkan pangkalan perubatan di kawasan yang terbabit.

Terdapat beberapa kawasan yang telah dikenal pasti sebagai kawasan berisiko dan tertakluk pada PKPD antaranya Simpang Renggam, Johor, Daerah Hulu Langat, Selangor dan Menara City One, Kuala Lumpur. Strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan dengan menumpukan perhatian pada kawasan-kawasan berisiko tinggi telah membuahkan hasil apabila kes-kes Covid-19 berjaya diturunkan dengan mendadak.

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pula diperkenalkan dengan memberi beberapa kelonggaran kepada larangan-larangan yang dikenakan dalam PKP yang terdahulu. PKPB telah bermula pada 4 Mei 2020 dan berakhir pada 9 Jun 2020. Tujuan utama PKPB dilaksanakan adalah untuk membuka semula sektor ekonomi negara secara terkawal dan berperingkat. Melalui PKPB, hampir semua sektor ekonomi dibenarkan untuk beroperasi semula dengan mengikut prosedur operasi mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Antara kelonggaran yang diberikan dalam tempoh PKPB ini termasuk membenarkan orang awam untuk makan di restoran tetapi haruslah mengamalkan penjarakan sosial, dan maklumat peribadi pelanggan akan direkodkan oleh pemilik restoran. Di samping itu, pekerja-pekerja dalam sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi haruslah diambil suhu badan sebelum dibenarkan bekerja. Aktiviti sukan yang melibatkan perhimpunan besar termasuklah kegiatan sukan dalam dan luar tidak dibenarkan melainkan aktiviti tersebut tidak melebihi sepuluh orang dan mengamalkan penjarakan

sosial. Selain itu, larangan-larangan yang diperkenalkan dalam PKP fasa pertama masih berkuat kuasa. Antaranya termasuklah sebarang aktiviti sosial, komuniti dan budaya yang melibatkan perhimpunan secara besar-besaran dan perhimpunan rasmi adalah dilarang. Begitu juga dengan larangan dikenakan terhadap aktiviti keagamaan atau perhimpunan di rumah ibadat.

Oleh sebab hari raya Aidilfitri jatuh dalam tempoh PKPB berlangsung, rentas negeri untuk pulang berhari raya adalah tidak dibenarkan sama sekali. Aktiviti merentas negeri hanya dibenarkan atas tujuan kerja dan pulang semula ke rumah setelah terkandas di kampung halaman. Namun begitu, rentas daerah dibenarkan. Aktiviti ziarah-menziarahi pada hari raya yang kebiasaannya dilakukan oleh umat Islam di negara ini dibenarkan namun haruslah dilakukan dengan had tidak melebihi 20 orang dalam satu-satu masa ketika hari raya pertama dan mengikut keluasan rumah. Kelonggaran turut diberikan kepada pasangan suami isteri yang tinggal di negeri berasingan kerana bekerja untuk membuat perjalanan rentas negeri.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, rakyat merupakan penentu utama dalam menghentikan penularan wabak Covid-19 di negara ini. Setiap orang haruslah memainkan peranan masing-masing dengan mematuhi setiap arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan menerusi PKP dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian termasuk menjaga kebersihan diri dengan membasuh tangan dengan kerap, mengamalkan penjarakan sosial dan memakai penutup muka sekiranya bergejala. Dengan langkah proaktif yang diambil oleh kerajaan, penularan wabak dapat dilakukan secara efektif. Walaupun Malaysia masih belum menang, tetapi telah terbukti berjaya dalam usaha memutuskan rantaian penularan wabak Covid-19 dengan mencatatkan peratusan kesembuhan yang tinggi dan penurunan kes yang ketara.

RUJUKAN

- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]
- Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelanjutan Kuat Kuasa) 2020
- Abdul Karim, Luqman Arif. (2020, 24 April). PKP: Fasa Ke-4 Matikan Virus. Berita Harian.

- Abd Mutalib, Zanariah & Sulaiman, Noor Atiqah. (2020, 2 Mei). PKP tetap berkuat kuasa hingga 12 Mei. BeritaHarian.
- Akta Polis 1967 [Akta 344]
- Covid-19 Coronavirus Pandemic, <https://www.worldometers.info/coronavirus/>
- Liu, Ying, Gayle, A.A., Wilder-Smith A. & Rocklöv, J. (2020, March). The Reproductive Number of COVID-19 is Higher Compared to SARS Coronavirus. *Journal of Travel Medicine*, 27(2).
- Mat Ruzki, Rafidah, Muzamir, Muhammad Yusri & Aziz, Ilah Hafiz. (2020, 1 Mei). PKP dilonggarkan, kejayaan semua landaikan COVID-1. Berita Harian
- Mat Ruzki, Rafidah & Sulaiman, Noor Atiqah. (2020, 1 April). Covid-19: PKP Fasa Pertama Menampakkan Kesan Positif. BeritaHarian.
- Patho Rohman, Mohd Anwar. (2020, 8 April). PKP: Tempoh Perlu Dilanjutkan Kes Masih Membimbangkan. Berita Harian.
- Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pindaan) 2020
- Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengkompanaan Kesalahan-kesalahan) (Pindaan) 2020
- Perlembagaan Persekutuan.